

Headline	1,274 kes jangkitan HIV dikesan, dilaporkan di Sabah, kata Mariati		
MediaTitle	New Sabah Times Bahasa (KK)		
Date	18 Dec 2011	Color	Black/white
Section	Semasa	Circulation	23,655
Page No	3	Readership	
Language	Malay	ArticleSize	158 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 306
Frequency	Daily	PR Value	RM 918



# 1, 274 kes jangkitan HIV dikesan, dilaporkan di Sabah, kata Mariati

PUTATAN: Seramai 1,274 kes jangkitan HIV telah dikesan dan dilaporkan di Sabah dari tahun 1991 hingga September 2011.

Pengerusi Majlis Penasihat Wanita Sabah Datuk Hajah Mariati Robert berkata, analisis kes HIV bagi Jan hingga Sept tahun ini menunjukkan 67.3 peratus adalah lelaki dan 37.3 peratus wanita.

"Jika dilihat pada situasi kes jangkitan HIV bagi tahun 2005 hingga 2010, menunjukkan 25.3 peratus hingga 40.5 peratus daripada kes jangkitan HIV baru setiap tahun adalah di kalangan wanita.

"Penyumbang utama jangkitan HIV dan Aids adalah disebabkan perkongsian jarum suntikan yang tercemar dengan kuman HIV, hubungan seksual dengan mereka yang dijangkiti, hubungan seks bebas dengan orang yang tidak diketahui status kesihatannya dan melalui ibu yang dijangkiti HIV, di Sabah, cara jangkitan utama HIV ialah melalui hubungan seks," katanya.

Beliau berkat demikian ketika berucap merasmikan Seminar Kesihatan Wanita anjuran Jawatankuasa Kesihatan, Majlis Penasihat Wanita Sabah, di Dewan Rakan Muda, Kompleks Jabatan Belia dan Sukan (P), Putatan, di sini, kelmarin.

Mariati berkata, statistic Jabatan Kesihatan Negeri Sabah bagi Jan hingga Sept tahun ini menunjukkan 97.2 peratus kes jangkitan HIV adalah melalui heteroseksual dan 2.8 peratus

adalah melalui faktor risiko jangkitan dari ibu ke anak yang dikandung.

Berkenaan dengan kanser serviks beliau berkata, berdasarkan laporan daripada Jabatan Kesihatan Negeri Sabah kanser itu adalah kanser kedua paling kerap dikesan di kalangan wanita iaitu sebanyak 468 kes (2001 hingga 2005).

"Kadar insiden dari tahun 2007 hingga 2010 juga meningkat iaitu 7.0 bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2007 kepada 10 bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun lalu," katanya.

Bagaimanapun katanya, penyakit itu boleh dicegah dengan mengamalkan cara hidup sihat dan melakukan ujian pap smear di klinik kesihatan dan hospital kerajaan, fasiliti swasta, persatuan perancang keluarga dan Lembaga Penduduk Perancang Keluarga Negara (LPP-KN).

Sementara itu Pengerusi Jawatankuasa Jabatan Kesihatan MPWS Dr.Maria Suleiman berkata, seminar seumpama ini dicadangkan oleh jawatankuasa kecil kesihatan kerana bilangan kes HIV dan Aids yang semakin meningkat di bandar-bandar besar termasuk di daerah Penampang.

"Saya berharap melalui seminar ini, para peserta mengetahui bahaya kanser serviks dan langkah-langkah pencegahan iaitu pelalian HPV," katanya. - **OLEH ALLAN KOSIDI dan RAZEEF RAHMAN**



MARIATI melawat pameran pada majlis itu.